

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP1)
KAJIAN KES *BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI)* BAGI TAHUN 2021

Tarikh : 11 Februari 2021 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Platform : Microsoft Teams
Pengerusi : YBrs. Dr. Mazlina Shafii (Pengerusi)
Kehadiran : En. Mahadi Hasbullah (Ahli 1)
En. Aiman Zakwan Zahari (Ahli 2)
Pn. Hjh. Sawiah Abdul Samad
Pn. Mariatul Af-Ida Mohd Tajul Ariffin
Dr. Noor Aishah Hj Hassan (Urusetia)
Pn. Haslizayanti Othman
Pn. Hanisah Mohd Ramli
En. Al Hisyam Abdul Halim
Pn. Norhaniza Hamir
En. Izzul Ikhwan Ishak

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP).
- 1.2 Pengerusi memaklumkan objektif mesyuarat ini diadakan adalah bagi menyemak dan menilai kertas penilaian perunding yang dicadang untuk membuat perlantikan perunding individu dan firma beserta kos siling sebanyak RM160,000.00 bagi 4 kajian kes yang ingin dijalankan pada tahun 2021.
- 1.3 Semakan dan penilaian oleh JPP adalah bagi memastikan kertas cadangan yang dikemukakan memenuhi kehendak Terma Rujukan (*Terms of Reference -TOR*) projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua) oleh Perbendaharaan Malaysia.
- 1.4 Projek kajian kes ini melibatkan sebanyak 4 projek dalam tempoh masa yang diberikan selama 3 bulan. Perbincangan ini juga adalah bagi membincangkan dan mengemaskini Terma Rujukan bagi pelantikan perunding firma dan individu.

- 1.5 Jumlah kos keseluruhan projek 4 kajian kes ini adalah sebanyak RM160,000.00 (RM40,000.00 bagi setiap kajian) meliputi semua kos yang terlibat bagi menjalankan kajian ini.
- 1.6 Kriteria perunding individu yang dipilih bagi menjalankan kajian kes BI adalah berdasarkan latar belakang akademik yang berkaitan dengan bidang *Behavioural Insights* seperti psikologi, ekonomi, sains sosial dan sebagainya. Pengerusi mesyuarat memastikan setiap perunding individu dan firma yang terpilih adalah bersesuaian dengan kajian yang ingin dijalankan dengan menyemak *Curriculum Vitae (CV)* dan profil syarikat.
- 1.7 Bayaran yuran professional kepada firma dan juga perunding individu adalah seperti yang ditetapkan mengikut kadar yang digariskan dalam PK3.2.

Makluman

2. MESYUARAT MEMBINCANGKAN DAN BERSETUJU:

- 2.1 Penambahbaikan terhadap Kertas Penilaian Perunding dan Terma Rujukan (TOR) projek seperti yang dicadangkan dalam mesyuarat tersebut dengan menambahbaik skop, latar belakang dan methodologi bagi setiap kajian.

Tindakan: Sekretariat

- 2.2 Carta perbatuan projek pada Terma Rujukan (TOR) perlu dikemaskini dengan memperincikan butiran aktiviti yang akan dilakukan oleh perunding yang dilantik.

Tindakan: Sekretariat

- 2.3 Pengerusi mesyuarat memaklumkan kepada sekretariat untuk mengemaskini slaid pembentangan dengan memasukkan matriks skor penilaian syarikat bagi memudahkan pemilihan dibuat.

Tindakan: Sekretariat

- 2.4 Pembayaran yuran kepada perunding kajian akan dijalankan mengikut terma berikut:

- i. Pembayaran pertama (40%) dibuat selepas Laporan Interim Kajian dikemukakan kepada MPC;
- ii. Pembayaran kedua (60%) dibuat selepas Laporan Akhir Kajian diserahkan kepada MPC dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*;

Tindakan: Sekretariat

2.5 Kos Penyelidikan dan Yuran Profesional bagi perunding yang ingin dilantik

i. Bayaran yuran professional kepada Perunding Kajian meliputi perkara berikut:

- Bayaran yuran professional kepada Perunding Kajian adalah ditetapkan meliputi keseluruhan kajian termasuk kos perjalanan, kos makan dan minum, bayaran kepada pembantu penyelidik (sekiranya melebihi seorang) dan bayaran mencetak laporan akhir sebanyak empat (4) naskhah dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris.

Tindakan: Sekretariat

2.6 Penyerahkan memerlukan satu (1) naskhah Laporan Akhir Kajian yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (*softcopy* dan *harcopy*). Laporan Akhir Kajian juga perlu mengandungi Abstrak dan Rumusan Eksekutif.

Tindakan: Sekretariat

3. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat di atas kerjasama yang telah diberikan dan menangguhkan mesyuarat pada jam 12.30 tengahari.

Disediakan oleh:



Dr. Noor Aishah Hj Hassan
Sekretariat JPP
Tarikh: 11 Februari 2021

Diluluskan oleh:



Dr. Mazlina Shafii
Pengerusi JPP
Tarikh: 11 Februari 2021

MAKLUMBALAS MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP) BIL.1/ 2021

Tarikh : 11 Februari 2021 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
Platform : Microsoft Teams

No.	Perkara	Maklumbalas
2.1	Penambahbaikan terhadap kertas penilaian perunding dan Terma Rujukan (TOR) kajian seperti yang dicadangkan dalam mesyuarat tersebut dengan menambahbaik skop, latar belakang dan methodology bagi setiap kajian.	Maklumbalas telah dikemaskini dalam Terma Rujukan.
2.2	Carta perbatuan kajian pada Terma Rujukan (TOR) perlu dikemaskini dengan memperincikan butiran aktiviti yang akan dilakukan oleh perunding yang dilantik.	
2.4	Pembayaran yuran kepada Ketua Projek dan Pakar Teknikal kajian akan dijalankan mengikut terma berikut: i. Pembayaran pertama (40%) dibuat selepas laporan interim kajian dikemukakan kepada MPC; ii. Pembayaran kedua (60%) dibuat selepas Laporan akhir kajian diserahkan kepada MPC dalam bentuk <i>softcopy</i> dan <i>hardcopy</i>;	
2.5	Bayaran yuran professional kepada Perunding Projek meliputi perkara berikut: - Bayaran yuran professional kepada Perunding Projek adalah ditetapkan meliputi keseluruhan kajian termasuk kos perjalanan, kos makan dan minum, bayaran kepada pembantu penyelidik dan bayaran mencetak laporan akhir sebanyak empat (4) naskhah dalam Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris.	
2.6	Penyerahkan memerlukan satu (1) naskhah Laporan Akhir Kajian yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Inggeris. Laporan Akhir Kajian juga perlu mengandungi Abstrak dan Rumusan Eksekutif.	
2.7	Pengerusi mesyuarat memaklumkan kepada sekretariat untuk mengemaskini slaid pembentangan dengan memasukkan matriks skor penilaian syarikat bagi memudahkan pemilihan dibuat.	Maklumbalas telah dikemaskini pada slaid pembentangan